



KENYATAAN MEDIA

Hebahan Segera

UiTM DAN PTPTN JALIN KERJASAMA STRATEGIK TINGKATKAN LITERASI KEWANGAN DAN KEUSAHAWANAN

KUCHING, 19 Februari - Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menjalinkan kerjasama strategik meningkatkan literasi kewangan dan keusahawanan. Kedua-dua institusi tersebut menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) pada 19 Februari 2022 (Sabtu).

MoU ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam membudayakan penabungan awal melalui simpanan pendidikan. Pada masa yang sama, kerjasama ini juga diharapkan dapat membangunkan modal insan kepada pelajar UiTM melalui inisiatif program kemahiran yang berkualiti agar graduan UiTM memenuhi keperluan industri apabila tamat pengajian nanti.

Dalam majlis tersebut, UiTM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Janor. Manakala PTPTN pula diwakili oleh Ketua Eksekutif, En Ahmad Dasuki Abdul Majid. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Prof Dato Dr Jamil Hj Hamali, Ketua Pegawai Operasi PTPTN, Puan Mastura Mohd Khalid dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua institusi.

Melalui memorandum persefahaman ini, UiTM dan PTPTN juga akan berganding bahu menjalankan program-program literasi kewangan dan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Literasi kewangan dan keusahawanan amat penting khususnya untuk generasi muda. Kegagalan merancang kewangan boleh menyebabkan golongan muda menghadapi masalah kewangan dalam kehidupan. Program keusahawanan pula menggalakkan pelajar untuk menubuhkan perniagaan sendiri yang boleh menjadi sumber pendapatan utama tanpa perlu bergantung kepada pekerjaan dalam sektor kerajaan atau swasta yang amat sengit persaingannya. Antara aktiviti yang bakal dijalankan ialah seminar dan webinar pengurusan kewangan dan taklimat kerjaya untuk

melahirkan pelajar yang lebih berkualiti dan memenuhi kehendak industri. Aktiviti juga tidak terhad kepada pelajar sahaja tetapi meliputi graduan dan alumni UiTM.

Selain itu kerjasama penyelidikan khususnya dalam bidang kewangan juga akan dijalankan oleh UiTM dan PTPTN. UiTM memang telah lama diakui memiliki kekuatan kepakaran dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan, manakala PTPTN mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan pinjaman pelajar menjadikan kerjasama penyelidikan tersebut mampu menghasilkan idea-idea baru khususnya dalam bidang perancangan kewangan.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

- i) UiTM: Dr Hjh Azilawati Banchit (azila@uitm.edu.my/019-8402210)
- ii) PTPTN: Pn. Hasliza Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 - 354 2388)